

Kod Tatakelakuan Kami

Panduan kelakuan dan asas cara menjalankan perniagaan kami



“Kod Tatakelakuan ini berfungsi sebagai kompas kami, membimbing kami untuk membuat keputusan yang berasaskan integriti, kejujuran dan saling menghormati. Ia secara aktif menggalakkan nilai kami, memupuk budaya yang pelbagai, inklusif dan terbuka. Terima kasih kerana mengamalkan nilai kami setiap hari dan membantu menjadikan Synthomer sebuah syarikat dan tempat kerja yang hebat.”

Michael Willome
Ketua Pegawai Eksekutif

Selamat datang daripada Ketua Pegawai Eksekutif

Selamat datang ke Kod Tatakelakuan Synthomer (Kod). Kod Tatakelakuan kami berfungsi sebagai pernyataan muktamad prinsip teras kami dan menetapkan standard tingkah laku yang diharapkan untuk kakitangan kami, dengan Nilai Teras kami sebagai pertimbangan utama kami. Ia memainkan peranan yang penting dalam melindungi kepentingan kolektif kami dan memastikan komitmen kami terhadap tingkah laku beretika.

Keistimewaan kami terletak pada dedikasi kami untuk membina perniagaan kami berdasarkan reputasi, kepercayaan dan keyakinan. Komitmen ini melangkaui pemegang saham dan pekerja kami, merangkumi para pembekal dan pelanggan kami yang dihargai serta komuniti-komuniti di mana kami beroperasi. Di Synthomer, kami amat berbangga dalam menegakkan standard etika tertinggi, bekerjasama dengan teguh untuk memupuk perniagaan yang diasaskan atas kepercayaan, integriti dan rasa hormat - inilah yang kami rujuk sebagai **Cara Synthomer**.

Kod Tatakelakuan kami bukan sahaja mencerminkan, tetapi secara aktif menggalakkan kepercayaan dan nilai kami, memupuk budaya yang pelbagai, inklusif dan terbuka di mana kami secara konsisten meneruskan amalan beretika dan mampan. Ia berfungsi sebagai kompas kami,

membimbing kami untuk membuat keputusan yang berasaskan integriti, kejujuran, dan saling menghormati. Selain mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Kod Tatakelakuan kami, kami tetap komited untuk menyampaikan latihan kepada seluruh Kumpulan Syarikat mengenai Kod Tatakelakuan kamisecara berkala dan konsisten, untuk memastikan setiap individu mengetahui tanggungjawab mereka dan berkongsi komitmen kami yang tidak berbelah bahagi untuk menjalankan perniagaan secara beretika.

Kami tegas dalam mewujudkan persekitaran di mana semua orang di Synthomer berasa selamat dan diperkasa untuk menyuarakan sebarang kebimbangan yang mereka ada. Walaupun kami secara aktif menggalakkan individu untuk menyuarakan kebimbangan mereka secara terbuka, kami juga mempromosikan talian bantuan pemberi maklumat yang dihoskan secara luaran, EthicsPoint (di muka surat 5). EthicsPoint menyediakan platform selamat untuk melaporkan kebimbangan tanpa mendedahkan identiti pengadu dan tanpa rasa takut terhadap tindakan balas. Saya menggesa anda untuk bersuara jika anda mempunyai sebarang kebimbangan.

Sebagai syarikat bahan kimia khusus, kami mengiktiraf peranan penting kami dalam menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan. Itulah sebabnya

kemampanan merupakan prinsip asas untuk perniagaan kami. Kami meneruskan perjalanan ke arah pelan hala tuju Wawasan 2030 kami dan komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 sebagai langkah untuk merealisasikan masa depan ini.

Bersama-sama, kita akan menjaga nilai-nilai kita dan memupuk perniagaan yang beretika, mampan dan boleh dipercayai – ini adalah Cara Synthomer.



Michael Willome
Ketua Pegawai Eksekutif
Januari 2024

M. Will.

Kami semua diharapkan untuk:

Bertindak dengan integriti dan bertanggungjawab atas reputasi Synthomer

Berunding dengan Pasukan Undang-undang & Pematuhan apabila tidak jelas mengenai mana-mana bahagian atau kewajipan Kod Tatakelakuan

Mematuhi Kod Tatakelakuan dan mengenali/memahami mana-mana pelanggaran Kod Tatakelakuan yang mungkin mengakibatkan tindakan tatatertib

Isi kandungan

Bersuara dan EthicsPoint	05
Bahagian 1	
Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran (SHE)	09
Hormat di Tempat Kerja	12
Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman (DE&I)	13
Hak Asasi Manusia	14
Bahagian 2	
Sogokan dan Rasuah	17
Hadiah dan Keraian	19
Derma dan Tajaan	21
Bahagian 3	
Persaingan Adil	25
Pengelakan Cukai	27
Sekatan dan Pematuhan Perdagangan	29
Bahagian 4	
Perlindungan Data dan Harta Syarikat	33
Media Sosial	35
Bahagian 5	
Perdagangan Orang Dalam	39
Konflik Kepentingan	41

Bersuara dan EthicsPoint



Tingkah laku yang tidak boleh diterima adalah tidak boleh diterima sama sekali

Di mana untuk mendapatkan bimbingan

Ia tidak selalunya mudah atau jelas untuk membuat keputusan yang betul, dan tidak mungkin bagi Kod untuk meliputi setiap situasi. Anda dikehendaki mendapatkan panduan secepat mungkin jika anda ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil. Bantuan boleh didapati di tempat-tempat berikut:

- **Dasar-dasar** – Semua dasar kumpulan Synthomer boleh didapati di laman web kami
- **Pengurus** – jika anda selesa berbuat demikian, bercakap dengan pengurus anda terlebih dahulu untuk bimbingan dan sokongan
- **Sumber Manusia (HR)** – bercakap dengan pengurus HR tempatan anda mengenai sebarang kebimbangan yang mungkin anda miliki
- **Pasukan Undang-undang & Pematuhan** – bercakap dengan ahli Pasukan Undang-undang & Pematuhan secara langsung atau melalui e-mel di **legal-compliance@synthomer.com**

EthicsPoint

Komitmen kami untuk komunikasi yang terbuka dan jujur diperjuangkan oleh talian bantuan pemberi maklumat yang dihoskan secara luaran, EthicsPoint. Synthomer menggalakkan anda bersuara dengan menggunakan perkhidmatan EthicsPoint kami yang boleh diakses melalui telefon atau dalam talian di [sini](#).

EthicsPoint menawarkan semua pekerja Synthomer dan pihak luar, sebuah platform yang selamat dan tanpa nama, tersedia 24/7, untuk melaporkan tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, insiden di tempat kerja, kebimbangan serta peluang untuk mengemukakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Kod.

Sila rujuk kepada panduan Soalan Lazim **EthicsPoint kami** untuk maklumat lanjut tentang cara laporan diurus dan disiasat.




Rasuah, Penipuan, Gangguan Seksual, Buli, Diskriminasi dan Penganiayaan adalah tidak boleh diterima.

Jika ini berlaku, laporkan. Gunakan perkhidmatan **EthicsPoint** kami.

Larangan Terhadap Tindakan Balas

Kami komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan, ugutan, diskriminasi dan memastikan semua orang berasa selamat dan boleh bersuara. Synthomer memandang serius semua tuntutan tindakan balas dan laporan akan disemak dengan segera dan disiasat dengan teliti selaras dengan Protokol Penyiasatan Synthomer. Synthomer melarang keras tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang membuat laporan, atau dihubungkan kepada laporan atau penyiasatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Dasar Tanpa Tindakan Balas dan panduan kami tentang Aktiviti-aktiviti yang Dilindungi, sila klik di sini: [Dasar Tanpa Tindakan Balas](#)



Bahagian

1

Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar (SHE)	09
Hormat di Tempat Kerja,	12
Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman (DE&I)	13
Hak Asasi Manusia	14



Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar (SHE)

Kesihatan dan Keselamatan




Kami sentiasa mempunyai masa untuk bekerja dengan selamat

Synthomer menghasilkan bahan kimia khusus menggunakan proses pembuatan berskala besar dan kompleks, sambil menggunakan bahan mentah berbahaya. Ianya adalah penting untuk kami mematuhi standard keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang paling tinggi di seluruh perniagaan.

Di Synthomer, kami:

- Sentiasa mematuhi dan mengikuti Prinsip-prinsip SHE dan 10 Peraturan Keemasan Synthomer
- Secara peribadi komited kepada standard kesihatan dan keselamatan tertinggi dan berkelakuan dengan cara yang konsisten dengan prestasi yang diinginkan
- Bekerjasama secara berkesan dengan pengawal-pengawal selia tempatan untuk memastikan pematuhan undang-undang dan melebihi keperluan atau standard undang-undang dan lain-lain, di mana praktikal dari segi teknikal dan ekonomi.
- Melibatkan diri secara aktif dengan pekerja kami untuk mewujudkan pemilikan bersama untuk prestasi keselamatan

Hanya menjalankan ujian terhadap haiwan (i) jika dikehendaki oleh undang-undang atau keperluan pengawalseliaan; (ii) jika tiada prosedur ujian alternatif yang diluluskan atau diterima wujud, atau (iii) jika tiada maklumat yang ditetapkan wujud di mana penilaian bahaya atau risiko yang memadai boleh dilakukan.




Prinsip SHE dan 10 Peraturan Keemasan

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang komitmen Synthomer terhadap SHE, sila lihat klik di sini: [SHE Synthomer](#)

Dapatkan Dasar Kesihatan dan Keselamatan kami di sini: [Dasar Kesihatan dan Keselamatan Kumpulan Syarikat Synthomer](#)

Dapatkan Dasar Alam Sekitar kami di sini: [Dasar Alam Sekitar Kumpulan Syarikat Synthomer](#)



CONTOH



Situasi:

Anda sedang melawat sebuah tapak dan menyedari seorang pekerja tempatan bekerja tanpa peralatan perlindungannya. Anda tidak pasti sama ada untuk membangkitkan perkara ini dengan seseorang atau jika anda perlu meninggalkan dia kerana dia mungkin tahu apa yang dia lakukan.

Penyelesaian:

Anda harus membangkitkan perkara ini dengan pengurus berhampiran atau orang yang bertanggungjawab untuk kesihatan dan keselamatan di tapak tersebut. Semua pekerja mesti mengikut '10 Peraturan Keemasan' Synthomer dan memakai semua peralatan perlindungan am atau apa-apa peralatan perlindungan yang diperlukan. Ingatlah untuk sentiasa menjaga diri dan satu sama lain.



Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar (SHE)

Hormat di Tempat Kerja

Alam Sekitar

Cara Synthomer adalah untuk sentiasa bekerja secara mampan

Pengurusan impak alam sekitar dan kebergantungan terhadap rantai nilai kami adalah sebahagian asas cara kami menjalankan perniagaan kami.

Di Synthomer, kami:

- Menyokong matlamat Perjanjian Iklim Paris, objektif Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Prinsip Panduan Responsible Care® industri kimia dunia
- Komited untuk terus meningkatkan prestasi alam sekitar dalam aspek yang berkaitan terhadap keseluruhan rantai nilai perniagaan kami
- Bekerjasama secara berkesan dengan pengawal-pengawal selia tempatan untuk memastikan pematuhan undang-undang dan di mana praktikal dari segi teknikal dan ekonomi, melebihi keperluan atau standard undang-undang dan lain-lain
- Melibatkan pekerja kami secara aktif untuk mewujudkan pemilikan bersama untuk prestasi
- Mempunyai sistem dan kawalan untuk mencegah kejadian yang memberi kesan kepada alam sekitar dan untuk meminimumkan kesan yang berpotensi untuk terjadi

- Melaksanakan sistem pengawasan air untuk operasi kami sendiri yang terletak di kawasan tekanan air yang tinggi, meminimumkan pengeluaran air, penggunaan bersih dan meningkatkan kualiti pembuangan sisa
- Meminimumkan penajaan sisa dalam operasi kami sendiri, meningkatkan tahap penggunaan semula dan kitar semula, dan mengurangkan sisa berbahaya yang memerlukan pelupusan dan sisa ke tapak pelupusan ke tahap serendah yang boleh
- Bekerjasama dengan pelanggan dan pembekal dalam keseluruhan rantai nilai bagi mempercepatkan reka bentuk dan penggunaan produk yang berfaedah lebih tinggi kepada alam sekitar dan dikurangkan bahaya sepanjang keseluruhan kitaran hayatnya

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai komitmen Synthomer terhadap alam sekitar, sila klik di sini: [Dasar Alam Sekitar](#)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar air Synthomer, sila klik di sini: [Dasar Air](#)

Untuk maklumat lanjut tentang kemampanan Synthomer, sila klik di sini: [Muat turun bahagian Kemampanan Laporan Tahunan kami](#)

CONTOH

Situasi:

Anda sedang melawat sebuah tapak dan mendapati sesuatu seperti peralatan yang tidak digunakan di atas rumput di mana minyak telah bocor dan melimpah ke tanah. Anda tidak pasti sama ada untuk membangkitkan perkara ini dengan seseorang atau anda harus membiarkan dan menyerahkan perkara tersebut kepada pasukan tapak kerana mereka sepatutnya menyedari perkara yang sama.

Penyelesaian:

Anda harus membangkitkan perkara ini dengan pengurus berdekatan atau orang yang bertanggungjawab ke atas persekitaran di tapak.

Cara Synthomer adalah saling hormat-menghormati

Di Synthomer, kami:

- Tidak akan bertolak ansur dengan gangguan seksual, ancaman, kelakuan bermusuhan atau tingkah laku yang menyinggung perasaan di tempat kerja
- Menghormati dan melindungi maruah dan privasi setiap kakitangan, termasuk data peribadi mereka
- Menyokong sebuah persekitaran di mana semua idea, kepercayaan dan pendapat dihormati dan dihargai
- Tidak bertolak ansur dengan sebarang gangguan atau sebarang bentuk pbulian atau kelakuan yang tidak disenangi

- Elakkan kelakuan atau kenyataan yang merendahkan, menyinggung perasaan atau mengaibkan orang lain
- Cegah tingkah laku bermusuhan atau menakutkan dan melaporkan sebarang kejadian penderaan di tempat kerja

Synthomer memastikan persekitaran kerja yang selamat dan boleh dipercayai serta bebas daripada sebarang buli atau gangguan terhadap pekerjaannya.

CONTOH

Situasi:

Pengurus anda dikenali sebagai seorang yang agresif dan berkelakuan bermusuhan dalam mesyuarat. Anda dan pasukan anda berasa takut dengannya dan tidak suka pergi ke mana-mana mesyuarat dengannya kerana takut dimarahinya. Anda kadang-kadang cuti sakit jika anda tidak dapat mengendalikan pengurus anda pada hari itu.

Penyelesaian:

Jika anda berasa takut dengan pengurus anda atau mana-mana rakan sekerja lain kerana tingkah laku yang agresif atau bermusuhan, anda harus bercakap dengan pengurus HR tempatan anda dengan segera dan memberitahu mereka bahawa pengurus anda bertindak dengan cara yang tidak konsisten dengan Kod. Anda juga digalakkan untuk melaporkan sebarang kebimbangan melalui talian hotline pemberi maklumat yang dihoskan secara luaran kami, EthicsPoint (lihat muka surat 05).

Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman (DE&I)

Hak Asasi Manusia



Cara Synthomer adalah untuk menghargai dan mempromosikan tenaga kerja yang pelbagai dan menghapuskan diskriminasi

Synthomer komited sepenuhnya untuk memastikan layanan yang adil, sopan dan hormat terhadap pekerjaannya dan memastikan tiada diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau tidak adil di tempat kerja. Kami mengiktiraf dan menghargai kekuatan serta peluang yang dibawa oleh tenaga kerja kami yang pelbagai kepada perniagaan global kami. Ini diperjuangkan dan disokong oleh Pasukan Pekerja Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman kami (DE&I), EMPOWER, THRIVE dan ENGENDER.

Di Synthomer, kami:

- Komited untuk mengekalkan tempat kerja yang inklusif tanpa gangguan dan diskriminasi (termasuk gaji/imbuhan, peluang pekerjaan dan pembangunan) berdasarkan status seseorang seperti warna kulit, asal etnik, umur, jantina, orientasi seksual, kecacatan, agama, pendapat politik, atau keahlian kesatuan
- Mempromosikan budaya yang menghargai keterangkuman, keterbukaan, keadilan dan ketelusan



CONTOH



Situasi:

Anda ingin mengupah pekerja baharu dalam pasukan pengeluaran di tapak. Anda percaya hanya lelaki yang sesuai untuk peranan ini dan anda mengecualikan mana-mana permohonan wanita kerana anda rasa mereka tidak sesuai.

Penyelesaian:

Anda tidak dibenarkan untuk menolak permohonan atas dasar jantina. Sebaliknya, carian anda mesti tertumpu pada kemahiran, kelayakan dan pengalaman calon dan bagaimana mereka memenuhi fungsi penting jawatan tersebut.

Cara Synthomer adalah untuk memastikan kami melindungi hak pekerja kami dan mencegah pelanggaran hak asasi manusia.

Kami menghormati dan mengiktiraf hak asasi manusia untuk semua seperti yang diuraikan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan komited kepada Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Kami menjangkakan pembekal kami mematuhi semua undang-undang pekerjaan domestik dan juga mengikut konvensyen dan protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat PBB.

Di Synthomer, kami:

- Pastikan kehadiran setiap pekerja adalah dengan sukarela dan setiap pekerja berhak meninggalkan pekerjaan secara bebas, tertakluk kepada tempoh notis berkanun atau kontrak mereka. Ini secara khususnya menghalang segala bentuk buruh tahanan, buruh terikat, hamba abdi, atau lain-lain bentuk buruh paksa atau penyeludupan manusia.
- Tidak terlibat dalam atau membiarkan berlakunya pengambilan pekerja yang salah di sisi undang-undang atau pengeksploitan kanak-kanak di tempat kerja. Kami tidak menggaji mana-mana kanak-kanak dan mempunyai umur minimum 18 untuk bekerja di mana-mana tapak pengeluaran kami.
- Kami komited untuk membayar gaji yang adil kepada semua pekerja kami dan tidak menggaji mana-mana orang dengan gaji di bawah gaji minimum. Kami menanggung kos pengambilan yuran termasuk visa yang diperlukan untuk penggajian semua pekerja.

- Sedar akan kebebasan pekerja (i) untuk menubuhkan atau menyertai organisasi pilihan mereka, (ii) untuk tidak menghalang pekerja daripada menyertai organisasi tersebut, atau (iii) untuk berunding bersama.
- Berusaha ke arah memenuhi jangkaan yang diletakkan ke atas perniagaan global untuk menghormati Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan melaporkan kepada pemegang saham kami dengan sewajarnya. <https://www.business-humanrights.org/en/un-guiding-principles>

Kami mempunyai Pasukan Kerja Hak Asasi Manusia yang berdedikasi untuk menguruskan risiko pelanggaran hak asasi manusia di seluruh operasi kami dan memastikan kami mempunyai rantaian bekalan yang beretika dan telus bebas daripada Perhambaan Moden.

Sila lihat klik di sini untuk [Kenyataan Perhambaan Moden](#) kami.

Komited untuk mengelakkan mineral konflik

Dasar mineral konflik kami komited untuk mengelakkan penggunaan mineral konflik dalam semua aktiviti kami. Kami juga secara berterusan menilai penggunaan mineral 3TG (emas, timah, tantalum dan tungsten) kami, yang boleh dilombong di bahagian dunia di mana konflik bersenjata dan pencabulan hak asasi manusia diketahui berlaku.

CONTOH



Situasi:

Apabila melawat sebuah pusat pengeluaran, anda dapati beberapa pekerja tiba dalam keadaan yang teruk dengan menaiki bas yang telah diatur dengan beberapa pekerja yang kelihatan lebih muda daripada 18 tahun.

Penyelesaian:

Laporkan perkara tersebut kepada ketua tapak dan Pasukan Undang-undang & Pematuhan dengan segera. Terdapat beberapa isu yang berpotensi di sini. Pertama, kami bertanggungjawab memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk semua individu dalam perniagaan kami. Ini termasuk bertanggungjawab ke atas semua aspek pekerjaan mereka, termasuk perjalanan dan penginapan tempat tinggal jika disediakan. Selain itu, Synthomer melarang pengambilan pekerja kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, semua pekerja dan kontraktor hendaklah disahkan sebelum memulakan pekerjaan yang merangkumi pengesahan umur. Dalam apa jua keadaan, jika terdapat sebarang keraguan mengenai kesesuaian mana-mana pekerja atau kontraktor untuk bekerja, mereka tidak sepatutnya dibenarkan bekerja di mana-mana tapak Synthomer.

Bahagian

2

Sogokan	17
Hadiah	19
Derma	21



Sogokan dan Rasuah

Cara Synthomer ialah amalkan toleransi sifar terhadap rasuah, bayaran kemudahan dan sebarang bentuk amalan perniagaan haram.

Synthomer mematuhi semua undang-undang dan peraturan anti-rasuah dan sogokan. Ini termasuk Akta Rasuah UK dan Akta Amalan Sogokan Asing Amerika Syarikat.

Rasuah bukan sahaja dalam bentuk pembayaran tunai, tetapi menjangkau kepada pemberian hadiah dan keraian mewah serta permintaan untuk bayaran kemudahan (pembayaran yang dibuat untuk mempercepatkan atau menyelesaikan tindakan rutin seperti mengeluarkan permit, kawalan imigresen). Rasuah juga boleh disembunyikan sebagai pembayaran komisen melebihi kadar pasaran, perbelanjaan yang diisytiharkan secara palsu, ganjaran, perbelanjaan pemasaran dan pengendorsan, penajaan yang lumayan dan sumbangan amal.



Anda hendaklah lebih berhati-hati dalam situasi berikut:

- Projek operasi atau penyelidikan berskala besar, cth. di mana terdapat kos dan kerumitan yang tinggi yang terlibat dalam projek atau penubuhan kemudahan penyelidikan atau pengeluaran
- Beroperasi di pasaran baharu muncul dan wilayah berisiko tinggi contohnya negara di mana terdapat budaya rasuah sebagai sebahagian daripada menjalankan perniagaan atau keperluan untuk bekerjasama dengan pegawai kerajaan
- Keperluan operasi tempatan – banyak negara mungkin memerlukan kami untuk bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan, membeli jentera tempatan atau mengumpul kewangan tempatan. Dalam keadaan seperti ini, terdapat peluang bagi pegawai awam untuk meminta bayaran haram

Di Synthomer, kami:

- Tidak menawarkan atau menerima apa-apa bayaran, hadiah atau perbelanjaan untuk tujuan memperoleh kelebihan perniagaan
- Berhati-hati memilih pihak ketiga yang kami bekerjasama (termasuk ejen dan pengedar) untuk memastikan mereka berkongsi komitmen kami dalam menjalankan perniagaan secara sah dan beretika
- Menjalankan penyaringan dan pemantauan berterusan pihak ketiga (termasuk pelanggan dan pihak ketiga dalam skop mengikut Akta Rasuah UK) terhadap senarai pantau global

- Memantau dan mempunyai kawalan ke atas penggunaan pihak ketiga yang melakukan perkhidmatan bagi pihak kami, termasuk pembekal yang tertakluk pada Kod kami
- Memberi latihan dan bengkel berkala kepada pekerja, ejen dan pengedar tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan, untuk memastikan risiko rasuah difahami dalam persekitaran perniagaan kami
- Sentiasa terbuka dan telus, dan dapatkan nasihat yang sesuai daripada Pasukan Undang-undang & Pematuhan jika berhadapan dengan senario yang tidak pasti atau berasa tidak selesa

- Dapatkan panduan daripada Pasukan Perundangan & Pematuhan sebelum berinteraksi dengan mana-mana pegawai kerajaan/awam atau di mana kami sedar kami akan berada di dalam kehadiran seorang pegawai awam. Jangan sesekali membuat pemindahan bayaran kepada pegawai kerajaan atau badan awam tanpa berunding dengan Pasukan Undang-undang & Pematuhan
- Memahami risiko terhadap ketidakpatuhan termasuk denda yang ketara, kerosakan reputasi dan penjara bagi individu yang terlibat

Sila berunding dengan **Pasukan Undang-undang & Pematuhan** sebelum berhubung dengan pegawai kerajaan atau awam.



CONTOH



Situasi:

Anda sedang menguruskan projek pemasangan jentera baharu di salah satu tapak kami, yang mana anda dikehendaki memohon dan memperoleh, pelbagai kebenaran dan kebenaran daripada jabatan perancangan kerajaan tempatan. Seorang pegawai dari jabatan melawat anda dan menerangkan bahawa terdapat sedikit masalah dengan permohonan yang boleh menyebabkan beberapa kelewatan yang ketara. Walau bagaimanapun, jika anda membuat bayaran kepadanya, dia akan dapat mempercepatkan urusan. Di samping itu, salah seorang ahli pasukan anda memberitahu anda jentera itu ditahan di pusat pemeriksaan tentera dan pegawai tempatan meminta 'bayaran' untuk mengakses jalan.

Penyelesaian:

Bayaran tidak rasmi yang dituntut (biasanya oleh pegawai awam) untuk melaksanakan tindakan rutin, atau untuk mempercepatkan prestasi tersebut adalah 'bayaran kemudahan' yang dilarang di bawah undang-undang anti rasuah dan sogokan yang berkaitan. Jika anda mempunyai sebarang keraguan mengenai pembayaran dan mengesyaki ia mungkin dianggap sebagai 'pembayaran kemudahan' anda hendaklah berunding dengan Pasukan Undang-undang & Pematuhan dan pastikan terdapat sekurang-kurangnya seorang saksi kepada perbualan itu.

Hanya buat pembayaran selepas pengesahan daripada Pasukan Undang-undang & Pematuhan dan di mana terdapat ketelusan dalam 'yuran'. Pihak rasmi atau pihak ketiga hendaklah memberikan resit rasmi atau pengesahan bertulis atas kesahihannya.

Hadiah dan Keraian

Cara Synthomer ialah untuk tidak sama sekali menawarkan atau menerima hadiah dan keraian yang boleh atau dianggap memberi kesan kepada pembuatan keputusan yang saksama. Kami tidak meminta sebarang hadiah atau keraian.

Walaupun kami mengakui pemberian dan penerimaan hadiah dan juga keraian boleh menjadi sebahagian daripada membina dan mengekalkan perhubungan perniagaan dan kebiasaan dalam budaya tertentu di dunia, namun terdapat had pada perkara yang boleh diterima. Di luar had ini, hadiah dan/atau keraian boleh dianggap sebagai berlebihan.

Hadiah dan keraian tidak boleh diberikan atau diterima di mana peruntukan itu mempengaruhi atau mencipta kelebihan perniagaan. Untuk mengelakkan sebarang persepsi tentang pengaruh yang tidak wajar atau mencipta kelebihan perniagaan, hadiah dan keraian hanya perlu diberikan atau diterima di mana ia munasabah, lazim, jarang dan bernilai nominal. Keraian berlebihan seperti jamuan mewah, penerbangan, penginapan hotel, jemputan ke acara sukan, seni dan rekreasi harus dielakkan.

Di Synthomer, kami:

- Tidak menerima hadiah wang dan tidak meminta hadiah atau keraian
- Tidak memberikan hadiah kepada pegawai kerajaan atau awam
- Pertimbangkan sebarang keperluan tempatan dan kelulusan hadiah dan keraian dan berunding dengan Pasukan Undang-undang & Pematuhan Kumpulan apabila berasa ragu
- Sentiasa terbuka dan telus serta dapatkan nasihat yang sesuai daripada Pasukan Undang-undang & Pematuhan apabila berhadapan dengan senario yang melibatkan hadiah dan keraian yang anda tidak pasti atau tidak selesa

- Rekod sebarang hadiah dan/atau keraian yang ditawarkan kepada kami atau diberikan kepada mana-mana pihak ketiga (tertakluk kepada had dan ambang di bawah) dalam Rekod Hadiah dan Keraian

Ingat dan pertimbangkan:

- Adakah pemberian atau penerimaan hadiah/keraian itu munasabah, lihat dasar anti-rasuah untuk panduan lanjut?
- Adakah ianya semasa menjalankan perniagaan biasa? Hadiah dan keraian semasa tender atau hampir dengan proses tender/komersial adalah dilarang
- Adakah hadiah/keraian tersebut akan menyebabkan sebarang pengaruh atau mengubah keputusan dalam menjalankan perniagaan?
- Adakah niat pemberian hadiah/keraian itu tulen?
- Berhati-hati dengan jumlah hadiah-hadiah yang bernilai kecil



Had dan Ambang

- Hadiah -Pemberian atau penerimaan tunggal di bawah £20/€25/\$30 atau yang setaraf dengannya tidak perlu direkodkan*
- Keraian - pemberian atau penerimaan tunggal di bawah £50/€60/\$75 atau yang setaraf dengannya tidak perlu direkodkan
- Peruntukan berulang atau penerimaan hadiah atau keraian yang terkumpul di atas ambang perlu direkodkan
- Kelulusan daripada Pasukan Undang-undang dan Pematuhan adalah diperlukan terlebih dahulu untuk semua hadiah melebihi £50/€60/\$75 atau setaraf dengannya, dan keraian melebihi £150/€180/\$250 atau setaraf dengannya. Ambang ini tidak termasuk sebarang tip atau gratuiti yang munasabah untuk keraian
- Semua hadiah melebihi £100/€120/\$150 atau yang setaraf dengannya adalah dilarang (ini tidak termasuk keraian)

*termasuk hadiah de-minimis seperti Barangan dengan logo Synthomer (pen, buku nota dll)

CONTOH



Situasi:

Anda tahu bahawa syarikat telah menyediakan beberapa tiket ke kejohanan tenis antarabangsa terbesar di London. Anda membuat keputusan untuk menjemput pembekal lama yang anda jangkakan untuk memperbaharui kontrak dengannya sepanjang minggu-minggu akan datang.

Simpanan Rekod

- Anda dikehendaki mengekalkan Daftar Hadiah dan Keraian untuk:
- (i) semua hadiah dan/atau keraian yang diberi atau diterima di atas ambang tunggal atau terkumpul
- (ii) semua hadiah dan/atau keraian yang diberikan atau diterima di mana nilai terkumpul dengan mana-mana satu pelanggan, pembekal atau pihak ketiga luar dalam tempoh setahun kalendar melebihi ambang

Kegagalan merekodkan hadiah dan keraian dianggap sebagai satu pelanggaran serius Kod.

Penyelesaian:

Keraian yang keterlaluan mungkin adalah atau ditanggap sebagai rasuah. Walaupun acara berprofil tinggi mungkin peluang untuk membincangkan perniagaan, anda hendaklah mempertimbangkan jika nilainya berlebihan dan berhati-hati untuk menyediakan atau menerima keraian yang waktunya hampir dengan pemberian atau pembaharuan kontrak, terutamanya apabila rundingan sedang berjalan dan syarat-syarat kontrak belum dipersetujui oleh kedua belah pihak. Walaupun pemberian layanan mesra mungkin telus, ia boleh dianggap mempengaruhi tingkah laku dan keputusan penerima memperbaharui kontrak.

Derma dan Tajaan

Cara Synthomer adalah untuk terlibat dengan komuniti dan persekitaran di mana kami beroperasi

Synthomer menggalakkan penglibatan dengan komuniti di mana ia beroperasi. Khususnya, kami berusaha untuk menggalakkan pembelajaran dan pembangunan kerjaya dalam kimia dan kejuruteraan. Pengumpulan dana untuk tujuan yang baik juga dipermudahkan melalui sokongan untuk aktiviti jawatankuasa sosial berasaskan tapak dan skim untuk memadankan derma amal yang dibangkitkan oleh pekerja.



Di Synthomer, kami:

- Bincangkan idea-idea untuk penglibatan komuniti dengan jawatankuasa sosial tempatan atau pasukan Sumber Manusia (HR) kami
- Dapatkan kelulusan daripada ahli eksekutif yang bertanggungjawab untuk bahagian/fungsi perniagaan untuk semua permintaan derma kepada badan amal atau tajaan yang perlu dibuat
- Berunding dengan Pasukan Perundangan & Pematuhan tentang semua derma dan tajaan
- Membuat Tindakan susulan ke atas sumbangan yang dibuat untuk mengesahkan penggunaan dana yang diberikan
- Rekodkan semua tajaan atau aktiviti berkaitan pemasaran dengan Pasukan Undang-undang & Pematuhan



CONTOH

Situasi:

Anda didekati oleh Datuk Bandar yang dipilih berhampiran tapak anda untuk menderma kepada badan amal yang dicalonkan untuk tahun ini. Anda dimaklumkan bahawa semua badan perniagaan di kawasan itu sedang dihubungi dan ia akan membantu mempromosikan hubungan baik dengan komuniti.

Penyelesaian:

